

22/08/1999

Chandra hasut rakyat: Tajudin

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Petugas Menangani Fitnah Umno semalam membuat laporan polis berhubung kenyataan Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional, Dr Chandra Muzaffar dalam akhbar Harakah pada 2 Ogos lalu.

Laporan itu adalah yang ke-16 yang dibuat oleh jawatankuasa berkenaan.

Ia dibuat ketua bahagian Percetakan jawatankuasa itu, Mohd Tajudin Tambi Abdul Wahid di Balai Polis Sentul semalam.

Dalam sidang akhbar di sini semalam, Tajudin berkata kenyataan Chandra itu bersifat menghasut rakyat serta menanam perasaan tidak hormat dan benci kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kenyataan itu juga dibuat bagi mendapatkan keuntungan politik peribadi serta menghasut rakyat bagi membenci institusi polis dan kehakiman negara.

"Saya merasakan kenyataan berkenaan mampu menggugat ketenteraman awam, kestabilan politik serta keselamatan negara," katanya.

(END)